

Headline	<b>KPD tekad jadi peneraju industri herba di Sabah</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>13 Nov 2010</b>	Page No	<b>7</b>
MediaTitle	<b>Harian Ekspres (KK)</b>	Article Size	<b>138 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Ekonomi</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>284</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>853</b>
Circ / Read	<b>29,826 / 97,836</b>		



# KPD tekad jadi peneraju industri herba di Sabah

**KOTA KINABALU:** Koperasi Pembangunan Desa (KPD), satu daripada agensi kerajaan yang terlibat dalam aktiviti projek bagi membantu penduduk luar bandar, merancang meneroka perusahaan herba bagi mempelbagaikan aktiviti sosioekonominya.

Pengurus Besarnya Datu Basrun Datu Mansor berkata langkah itu juga bertujuan memanfaatkan khazanah hutan Sabah yang kaya dengan tumbuhan yang mempunyai nilai perubatan yang tinggi.

Sebagai langkah permulaan, satu rombongan Ahli Lembaga Pengarah KPD telah melawat beberapa agensi kerajaan di Semenanjung, yang terlibat dalam menjalankan kajian dan penghasilan produk berasaskan herba, baru-baru ini.

"Susulan itu, KPD berharap dapat menjalin kerjasama dengan badan-badan kerajaan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang terlibat secara langsung dalam membangunkan industri herba.

"Melalui lawatan itu, kami mengetahui bahawa hutan Sabah mempunyai khazanah tumbuhan yang boleh menghasilkan herba, namun belum diteroka sepenuhnya," katanya kepada Bernama, di sini pada Jumaat.

Pengurus Besar KPD itu berkata setakat ini belum ada mana-mana pihak atau agensi kerajaan di Sabah yang terlibat sepenuhnya dalam meneroka perusahaan herba secara komersil.

Katanya cadangan melibatkan KPD dalam perusahaan adalah ekoran permintaan kerajaan Negeri yang mahu KPD supaya menjadi peneraju dalam penerokaan perusahaan herba di negeri ini.

"KPD menyambut baik hasrat kerajaan itu kerana program berkenaan adalah selaras dengan matlamat penubuhan KPD, manakala perusahaan herba pula berkait-rapat dengan kehidupan penduduk luar bandar," katanya.

Sempena lawatan itu, KPD juga meminta

supaya MARDI menaik taraf fungsinya di Sabah, khususnya dari segi kerja-kerja mengkaji dan mengenal pasti tumbuh-tumbuhan di negeri ini yang mempunyai nilai perubatan.

Menurut laporan Strategi Nasional untuk Konservasi Tumbuhan, Malaysia mempunyai kira-kira 15,000 spesies flora dan daripada jumlah itu kira-kira 12,000 spesies flora terdapat di Sabah dan Sarawak.

Basrun berkata matlamat jangka panjang KPD ialah untuk membantu mewujudkan teknologi ekstraksi herba komersil serta syarikat-syarikat perusahaan berkaitan yang bertaraf GMP (amalan pengeluaran yang baik) di Sabah.

Selain MARDI dan FRIM, rombongan itu yang diketuai Pengerusi KPD, Ahmad Bujang, juga melawat SIRIM, Ladang Rempah Ratus dan Herba Nasuha di Muar, Johor dan Malaysian Herbal Corporation di Medan Tuanku, Kuala Lumpur. - Bernama